



GARIS PANDUAN SKIM AGIHAN PENDIDIKAN PELAJAR YAMAN

PENDAHULUAN

1. Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menyediakan **agihan pendidikan** kepada pelajar yang berkelayakan dan melanjutkan pelajaran ke Yaman.
2. Agihan ini hanya diberikan **sekali sahaja bagi setiap tahun pengajian** termasuk kos yuran pengajian dan sara hidup.

KADAR AGIHAN

3. Kadar agihan bagi setiap pemohon adalah seperti berikut :

PERKARA	KADAR AGIHAN
Yuran Pengajian dan Sara Hidup.	RM 6,000.00/ Seorang

SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

4. Syarat kelayakan permohonan agihan ini adalah tertakluk kepada syarat seperti berikut :
 - I. Pelajar sedang menetap atau bermastautin di Negeri Kedah sekurang-kurangnya **DUA (2) Tahun**
 - II. Pelajar berumur antara 13 hingga 25 Tahun pada tahun semasa permohonan dibuka.
 - III. Pelajar sedang menuntut pengajian di Yaman secara sepenuh masa sekurang-kurangnya satu tahun.
 - IV. Tempat pengajian berdaftar dan diiktiraf oleh pihak berautoriti seperti kedutaan, institut pengajian atau persatuan pelajar.
5. Butiran peribadi yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dokumen sokongan seperti berikut :
 - a) Salinan kad pengenalan pemohon (pelajar)
 - b) Salinan kad pengenalan waris/ penjaga
 - c) Salinan visa pelajar
 - d) Borang pengesahan status pengajian oleh pusat pengajian / pihak persatuan pelajar
 - e) Salinan akaun bank yang tertera nama pemohon (pelajar)

6. LZNK juga berhak menolak permohonan sekiranya permohonan tidak diisi dengan lengkap dan jelas mengikut prosedur yang ditetapkan (sila rujuk manual pengguna)

KAEDAH PERMOHONAN

7. **Permohonan secara atas talian** mengikut tarikh buka permohonan seperti yang diumumkan melalui portal rasmi LZNK dan merujuk kepada **Manual Pengguna** yang disediakan melalui laman web rasmi LZNK (www.zakatkedah.com.my)
8. Bayaran akan dibuat secara Electronic Fund Transfer (EFT) kepada penerima.

HAL-HAL LAIN

9. Setiap permohonan **RAYUAN** hendaklah dikemukakan bersama justifikasi yang jelas terhadap rayuan yang dibuat serta dibuat pertimbangan kelayakan oleh Ketua Pegawai Agihan untuk kelulusan agihan.
10. Proses semakan permohonan dan pembayaran agihan ini adalah berpusat di Divisyen Pendidikan Zakat Kedah seperti berikut :

Divisyen Pendidikan
Aras 3, Menara Zakat
Jalan Teluk Wanjah
06420 Alor Setar Kedah
No Telefon : 1-800-88-1740 / 019-4333225
Email : pendidikan@zakatkedah.com.my